



Sambutan Bulan Kemerdekaan



Seperti mana tahun-tahun lepas, pelbagai program dan aktiviti telah dirancang dan dijalankan di sepanjang Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-48 Peringkat KUKUM. Sambutan Bulan Kemerdekaan ini diadakan bertujuan untuk menyemai semangat patriotisme dan cintakan tanah air serta meneruskan entiti kemerdekaan tersebut agar dinamik dan sejajar dengan aspirasi negara. Ia telah bermula dari 17 Ogos hingga 16 September 2005 dan sebanyak 14 program dan aktiviti yang melibatkan bukan sahaja warga KUKUM malah masyarakat luar kampus telah dirancang dan dijalankan dengan jayanya.



Majlis Perasmian Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-48 dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat KUKUM telah diadakan pada 17 September 2005 di Kampus Kubang Gajah dan majlis ini telah disempurnakan oleh Y.B Puan Azihani Dato' Ali, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis, selaku wakil YAB Menteri Besar Perlis. Bagi memeriahkan lagi majlis ini, pada sebelah paginya turut diadakan Program Jelajah Berbasikal melibatkan 300 kakitangan KUKUM. Jelajah sejauh 50km ini bermula di Pekan Padang Besar dan berakhir di Kampus Kubang Gajah dan pelepasan para peserta telah dilakukan oleh Y.Bhg Dato' Rektor sendiri. Manakala pada sebelah petangnya pula seramai lebih kurang 500 warga KUKUM telah berkonvoi (kereta dan motorsikal) sejauh 100 km menuju ke Kolej Kediaman, Kuala Perlis dengan melalui beberapa kawasan sekitar negeri Perlis.



Peringkat KUKUM 2005



Pelbagai bentuk pertandingan juga telah diadakan di sepanjang sambutan bulan kemerdekaan ini. Antaranya ialah Pertandingan Senamrobik & Poco-poco, Festival Nasyid KUKUM Edisi Ke-3, Kembara Berkayak Kemerdekaan KUKUM 2005, Pertandingan Keceriaan Kemerdekaan Antara Jabatan/Pusat Pengajian, Pertandingan Mengarang Pantun Kemerdekaan KUKUM, Merdeka Idol 2005 dan KUKUM Merdeka Challenge Treasure Hunt 2005. Walaupun baru pertama kali diperkenalkan namun program Merdeka Idol 2005 dan KUKUM Merdeka Challenge Treasure Hunt 2005 telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan.

Pada tahun ini juga, turut diadakan buat kali keduanya Pertandingan Nasyid Kemerdekaan IPT Peringkat Kebangsaan yang telah disertai oleh 17 buah IPTA termasuk KUKUM sebagai tuan rumah. Pertandingan ini telah diadakan di Dewan Kapitol KUKUM dan turut diserikan lagi dengan Keberangkatan DYMM Tuanku Canselor dan DYT M Raja Puan Muda Perlis bersama-sama kehadiran tetamu kehormat yang lain.

Majlis Penutup Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-48 Peringkat KUKUM telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri (Dr.) Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis. Ia telah dilangsungkan di Dewan Warisan Kangar dengan dihadiri oleh 2,000 warga KUKUM yang terdiri dari pelajar dan kakitangannya. Majlis diadakan sebaik selesai Program Jalan Kaki Patriotik KUKUM pada sebelah paginya. Program sejauh 13km ini telah bermula dari Kampus Kubang Gajah dan berakhir di Dewan Warisan tersebut.

Bagi sambutan pada tahun ini juga, warga KUKUM berasa amat berbangga kerana Kontijen Perbarisan KUKUM telah muncul sebagai johan pada Pertandingan Kawad dan Perbarisan Sempena Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Perlis. KUKUM juga telah menghantar seramai 20 orang pegawai kanannya yang diketuai oleh Y.Bhg Dato' Rektor sendiri ke Putrajaya bagi mewakili Pasukan Perbarisan Kementerian Pengajian Tinggi.